

Rujukan Kami (Our Ref) : UMP.03.01/10.12/3 (16)
Tarikh : 30 November 2018

Semua Dekan/ Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt.wbt.

YH Prof. Dato Sri/ YH Prof. Dato / YBhg. Prof/ Prof Madya/Tuan/Puan,

**EDARAN PEKELILING BENDAHARI BIL. 6 TAHUN 2018
PERATURAN MENGENAI KADAR-KADAR DAN SYARAT-SYARAT BAYARAN
KEPEGAWAIAN KEJOHANAN SUKAN BAGI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG.**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama ini dilampirkan Pekeliling Bendahari Bil. 6 Tahun 2018 iaitu Peraturan Mengenai Kadar-Kadar Dan Syarat-Syarat Bayaran Kepegawaian Kejoohan Sukan Bagi Universiti Malaysia Pahang untuk makluman dan tindakan YH Prof. Dato Sri/ YH Prof. Dato / YBhg. Prof/ Prof Madya/Tuan/Puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



ZAINUDIN BIN OTHMAN
Bendahari/ Ketua Pegawai Kewangan (CFO)
Universiti Malaysia Pahang

ZO/HAI/Pekeliling Bendahari

PEKELILING BENDAHARI BIL. 6 TAHUN 2018

Semua Dekan/Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt. wbt.

YH Prof. Dato/YBhg. Prof/Prof Madya/Tuan/Puan,

PERATURAN MENGENAI KADAR-KADAR DAN SYARAT-SYARAT BAYARAN KEPEGAWAIAN KEJOHANAN SUKAN BAGI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

TUJUAN

Pekeliling Bendahari ini bertujuan untuk menetapkan peraturan berkaitan kadar-kadar dan syarat-syarat bayaran kepegawaian kejoanan sukan bagi Universiti Malaysia Pahang (UMP). Peraturan ini adalah bagi menggalakkan pembinaan kapasiti penganjuran kejoanan sukan yang bertaraf kebangsaan bagi membawa UMP ke era kecemerlangan sehingga ke peringkat antarabangsa.

LATAR BELAKANG

2.1 Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan (JTK) Universiti Malaysia Pahang (UMP) Kali Ke 37 Bil 3/ 2018 pada 12 Ogos 2018 telah meluluskan peraturan mengenai kadar dan syarat bayaran kepegawaian kejoanan sukan.

2.2 Dalam menjayakan kejoanan sukan, Pegawai Teknikal dan Pegawai Pertandingan merupakan nadi penggerak utama yang bertanggungjawab dalam pengurusan teknikal, pengurusan pertandingan, perancangan dan penyusunan jadual

kejohanan, perancangan dan persediaan *venue* kejohanan, pengurusan pengadil kejohanan termasuk pengurusan bantahan terhadap kejohanan sukan;

2.3 Berdasarkan kelaziman penganjuran kejohanan sukan peringkat antarabangsa dan kebangsaan, Pegawai Teknikal dan Pegawai Pertandingan sesuatu kejohanan sukan dibayar elaun bertugas sebagaimana Persatuan Sukan Kebangsaan (PSK) dan Persatuan Sukan Negeri di mana sukan itu berlangsung.

PERATURAN MENGENAI KADAR DAN SYARAT BAYARAN KEPEGAWAIAN KEJOHANAN SUKAN

3.1 Kejohanan Sukan Peringkat Kebangsaan

3.1.1 Pegawai Teknikal dan Pengadil hendaklah mempunyai kelayakan Lesen Kepegawaian Sukan atau Lesen Kepengadilan yang diiktiraf daripada Persatuan Sukan Kebangsaan atau Antarabangsa;

3.1.2 Kejohanan sukan peringkat hendaklah hendaklah disertai oleh atlet yang mewakili sesuatu negeri atau agensi yang berlainan;

3.1.3 Kejohanan sukan yang termasuk dalam kategori peringkat kebangsaan adalah seperti berikut:

- (a) SUKUM – Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia
- (b) MASUM – Majlis Sukan Universiti Malaysia
- (c) SUKANUN – Kejohanan Sukan Badan Berkanun
- (d) MAKSAK – Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kerajaan

3.1.4 Kadar bayaran

Bil	Jenis bayaran	Kadar Bayaran (RM)
1.	Ketua Pengadil	RM 200.00 sehari
2.	Pengadil Kejohanan	RM 150.00 sehari
3.	Penyelaras Teknikal	RM 120.00 sehari
4.	Penyelaras <i>Venue</i>	RM 80.00 sehari

3.1.5 Belanja pelbagai untuk setiap acara sukan dibenarkan sebanyak RM500.00 dan pelarasan belanja pelbagai hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Bendahari dengan menyertakan dokumen seperti resit atau akuan terima bayaran tunai yang disahkan oleh Ketua Jabatan, selaras dengan Arahan Perbendaharaan AP96.

3.2 Kejohanan Sukan Peringkat Universiti

3.1.1 Pegawai Teknikal dan Pengadil hendaklah mempunyai kelayakan Lesen Kepegawaian Sukan atau Lesen Kepingadilan yang diiktiraf daripada Persatuan Sukan Kebangsaan atau Antarabangsa;

3.2.2 Kejohanan sukan hendaklah kejohanan yang dianjurkan di peringkat Universiti dan disertai oleh peserta atau atlet yang terdiri daripada staf, pelajar, alumni atau orang awam mewakili sesuatu jabatan, persatuan atau agensi yang berkaitan;

3.2.3 Antara contoh kejohanan sukan peringkat Universiti adalah:

- (a) Sukan Antara Fakulti (SUKFAC)
- (b) Liga Dalaman UMP
- (c) Kejohanan sukan yang menggunakan logo atau nama Universiti Malaysia Pahang

3.2.4 Kadar bayaran

Bil	Jenis bayaran	Kadar Bayaran (RM)
1.	Ketua Pengadil	RM 150.00 sehari
2.	Pengadil Kejohanan	RM 100.00 sehari
3.	Penyelaras Teknikal	RM 80.00 sehari
4.	Penyelaras <i>Venue</i>	RM 50.00 sehari

3.2.5 Belanja pelbagai untuk setiap acara sukan dibenarkan sebanyak RM300.00 dan pelarasan belanja pelbagai hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Bendahari dengan

menyertakan dokumen seperti resit atau akuan terima bayaran tunai yang disahkan oleh Ketua Jabatan, selaras dengan Arahan Perbendaharaan AP96.

3.3 Kadar ini tidak terpakai bagi penganjuran kejohanan sukan yang melibatkan pihak swasta;

3.4 Semua bayaran kepegawaian kejohanan sukan dan bayaran pelbagai adalah melalui yuran penyertaan setiap jenis sukan yang dianjurkan dan tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan;


3.5 Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Bendahari ini, maka semua bayaran kepegawaian kejohanan sukan hendaklah mematuhi peraturan ini.

TARIKH KUAT KUASA

4.1 Pekeliling Bendahari ini adalah berkuat kuasa mulai 1 Jun 2018.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menjalankan amanah,



ZAINUDIN BIN OTHMAN

Bendahari/ Ketua Pegawai Kewangan (CFO)

Universiti Malaysia Pahang

Jumaat, 30 Nov 2018

- s.k
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Pendaftar
 - Penasihat Undang-Undang